

**KESELAMATAN MAKANAN DAN
KEDAULATAN MAKANAN DI INDONESIA:
SATU KAJIAN KES TERHADAP ANALISIS
WACANA KRITIKAL AKHBAR KOMPAS**

HENDRA HARAHAP

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2017**

**KESELAMATAN MAKANAN DAN
KEDAULATAN MAKANAN DI INDONESIA:
SATU KAJIAN KES TERHADAP ANALISIS
WACANA KRITIKAL AKHBAR KOMPAS**

oleh

HENDRA HARAHAP

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2017

PENGHARGAAN

Alhamdulillahirabbil'aalamiin. Segala puji dan syukur kepada Allah SWT di atas rahmat yang dikurniakanNya kepada saya dalam menyiapkan tesis ini dan menyelesaikan studi pada Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Mohammad Md Yusoff, Dr. Nik Norma Nik Hasan, selaku penyelia utama dan penyelia bersama yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar selama mengerjakan kajian tesis ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Profesor Dato' Dr. Adnan Bin Hussein, Profesor Madya Dr. Azman Azwan Azmawati dan Profesor Madya Mus Chairil Samani yang telah memberikan penilaian kepada kekuatan dan kelemahan tesis serta arahan dan pembetulan yang patut dijalankan bagi meningkatnya kualiti tesis ini. Ucapan terimakasih juga saya tujukan kepada Dekan Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia, Dr. Shuhaida Md. Noor, para Timbalan Dekan, serta para pensyarah yang telah memberikan pandangan dan arahan, khasnya ketika penyelidik melakukan pembentangan kajian ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya haturkan kepada keluarga, ibu bapa yang sentiasa mendoakan bagi kejayaan anaknya, istri saya Moulita, anak-anak kami tersayang Hilmy Haqqi Harahap dan Harsha Hadya Harahap yang telah menjadi sumber semangat dan inspirasi, serta seluruh kakak, adik, dan keluarga yang selalu memberi doa, semangat, dan sokongan.

Tak lupa pula ucapan terima kasih saya hantarkan kepada rekan-rekan di Departemen dan Magister Ilmu Komunikasi Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universiti Sumatera Utara, komuniti Sintesa Foundation di Sumatera Utara dan

Syarikat Petani Indonesia sama ada yang berada di Bandar Medan mahupun Jakarta, serta narasumber dan semua pihak yang terlibat dalam kajian tesis ini. Akhirnya, semoga kajian dalam tesis ini dapat memberi manfaat kepada kita semua. Aamiin.

Penyelidik

Hendra Harahap

KANDUNGAN

| | |
|-----------------|------|
| Penghargaan | ii |
| Kandungan | iv |
| Senarai Jadual | vii |
| Senarai Rajah | viii |
| Senarai Akronim | ix |
| Abstrak | xii |
| Abstract | xiii |

| | |
|--------------------------|---|
| BAB I PENDAHULUAN | 1 |
|--------------------------|---|

| | |
|---------------------------|----|
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.2 Persoalan Kajian | 25 |
| 1.3 Objektif Kajian | 29 |
| 1.4 Kepentingan Kajian | 30 |

BAB II KERANGKA TEORI: ANALISIS WACANA KRITIKAL,

| | |
|--|----|
| HEGEMONI DAN EKONOMI POLITIK MEDIA | 32 |
| 2.0 Pengenalan | 32 |
| 2.1 Sorotan Sejarah Ringkas Analisis Wacana Kritikal | 32 |
| 2.2 Prinsip-prinsip Analisis Wacana Kritikal | 36 |
| 2.3 Media, Wacana, Hegemoni, dan Ekonomi Politik Media | 46 |
| 2.4 Fokus Kajian Ekonomi Politik Media | 51 |
| 2.5 Analisis Wacana Kritikal (Media) Norman Fairclough | 59 |
| 2.5.1 Analisis Kritikal Teks Media | 60 |
| 2.5.2 Analisis Amalan Wacana (Media) | 66 |
| 2.5.3 Analisis Amalan Sosial Budaya | 74 |
| 2.6 Limitasi Kajian | 77 |

| | |
|---|-----|
| BAB III KAJIAN-KAJIAN ANALISIS WACANA DAN ANALISIS | |
| WACANA KRITIKAL (MEDIA) TENTANG MAKANAN | 80 |
| 3.0 Pengenalan | 80 |
| 3.1 Analisis Wacana GM Food di Media Massa Nasional | 80 |
| 3.2 Analisis Wacana GM-Food Di Media Antarabangsa | 90 |
| 3.3 Analisis Wacana Tentang Isu Keselamatan Dan Krisis Makanan | 92 |
| 3.4 Analisis Wacana Dan Gerakan Sosial Budaya | 98 |
| BAB IV METODOLOGI PENYELIDIKAN | 103 |
| 4.0 Pengenalan | 103 |
| 4.1 Paradigma Penyelidikan | 103 |
| 4.2 Kaedah dan Aspek Penyelidikan | 105 |
| 4.2.1 Analisis Teks Media | 106 |
| 4.2.1(a) Analisis Representasi Dalam Teks | 107 |
| 4.2.1(b) Analisis Konstruksi Hubungan dan Identiti | 112 |
| 4.2.2 Analisis Intertekstual | 113 |
| 4.2.3 Analisis Amalan Wacana Media | 114 |
| 4.2.4 Analisis Amalan Sosial Budaya | 114 |
| 4.3 Subjek Penyelidikan | 115 |
| 4.4 Kaedah Pengumpulan Data | 117 |
| 4.5 Kaedah Analisis Data | 123 |
| 4.6 Kaedah Triangulasi | 125 |
| 4.7 Limitasi Kajian | 125 |
| BAB V PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN | 126 |
| 5.0 Pengenalan | 126 |
| 5.1 Analisis Teks Media | 126 |
| 5.1.1 Analisis Wacana Akhbar Kompas Tentang Munculnya Konsep Keselamatan Makanan | 126 |
| 5.1.2 Munculnya Cabaran Kepada Konsep Keselamatan Makanan | 138 |
| 5.1.3 Masa-Masa Kritikal Ketiga (<i>Years of Controversy</i>): Isu Keselamatan Makanan dan Kedaulatan Makanan Telah Menjadi Perhatian Akhbar Kompas | 164 |
| 5.1.4 Analisis Wacana Rancangan Undang-Undang Tentang Makanan | 184 |

| | |
|---|-----|
| 5.1.5 Wacana Kompas Tentang Keselamatan Makanan dan Kedaulatan Makanan | 189 |
| 5.2 Analisis Amalan Wacana Media | 198 |
| 5.3 Analisis Amalan Wacana Sosial Budaya | 205 |
| 5.4 Perbincangan | 221 |
| BAB VI KESIMPULAN DAN IMPLIKASI | 236 |
| 6.0 Pengenalan | 236 |
| 6.1 Kesimpulan | 236 |
| 6.2 Implikasi Kajian | 238 |
| 6.2.1 Implikasi Teoretikal | 238 |
| 6.2.2 Implikasi Kaedah Penyelidikan | 238 |
| 6.2.3 Implikasi Praktikal | 239 |
| BIBLIOGRAFI | 240 |
| LAMPIRAN | 261 |

SENARAI JADUAL

| | Muka Surat |
|--|-------------------|
| Jadual 1.1: Jumlah Penduduk Miskin di Indonesia, 2012-2015 | 5 |
| Jadual 2.1: Mod Kajian Analisis Wacana Kritikal Bersepadu Theo van Leeuwen (2005) | 40 |
| Jadual 4.1: Dimensi Analisis Teks Media | 106 |
| Jadual 4.2: Jumlah Salinan Lima Akhbar Terbesar Indonesia Tahun 2011 | 116 |
| Jadual 5.1: Perbezaan Keselamatan Makanan dan Kedaulatan Makanan | 215 |

SENARAI RAJAH

Muka Surat

| | |
|---|----|
| Rajah 2.1: Dimensi Analisis Wacana Kritikal Norman Fairclough | 60 |
|---|----|

SENARAI AKRONIM

| | |
|------|---|
| BKP | Badan Ketahanan Pangan (Agenzi Keselamatan Makanan), sebuah institusi kerajaan Indonesia yang menjalankan perkhidmatan di bidang makanan. |
| BPS | Badan Pusat Statistik: Agenzi Pusat Statistik. |
| CPO | Crude Palm Oil (minyak sawit mentah). |
| CSO | Civil Society Organization (pertubuhan masyarakat sivil) |
| DKP | Dewan Ketahanan Pangan iaitu Majlis Keselamatan Makanan, berkedudukan di Jakarta, dengan Presiden sebagai ketua Majlis. |
| FAO | Food Agriculture Organization (Pertubuhan Makanan dan Pertanian antarabangsa yang bekerja untuk Bangsa-Bangsa Bersatu). |
| FSPI | Federasi Serikat Petani Indonesia yang kemudian mengganti nama menjadi Serikat Petani Indonesia (SPI)/Syarikat Petani Indonesia |
| IFAD | International Funds for Agricultural Development iaitu agensi khusus Bangsa-Bangsa Bersatu yang komited kepada isu makanan dan kemiskinan dunia |
| IHCS | Indonesia Human Rights Commission for Social Justice |
| IMF | International Monetary Fund (Badan Kewangan Antarabangsa) |
| IRDF | Integrated Rural Development Foundation Filipina |

| | |
|------------|--|
| Komnas HAM | Komisen Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia |
| KPA | Konsorsium Pembaruan Agraria, sebuah NGO yang memfokus aktivitinya pada kajian pertanahan |
| KRKP | Koalisi Rakyat untuk Kedaulatan Pangan/Makanan |
| KTt Pangan | Terma ini banyak terdapat pada analisis wacana akhbar Kompas mulai muka surat 127. Takrif terma ini ialah Konferensi Tingkat Tinggi tentang Makanan. |
| KWPA | Korean Peasant's Women Association (pertubuhan masyarakat sivil yang komited kepada isu petani perempuan di Korea) |
| LVC/La Via | |
| Campesina | La Via Campesina takrifnya ialah jalan petani. La Via Campesina merupakan pertubuhan petani antarabangsa yang komited kepada isu petani |
| LSM | Lembaga Swadaya Masyarakat, secara am selalu ditakrifkan sama dengan NGO |
| MDGs | Millenium Development Goals (Wawasan Pembangunan |
| MNCs | Multi-nasional corporations (korporat-korporat multi-nasional) |
| MST | Brazil Landless Movement (Pergerakan Petani yang tidak memiliki tanah di Brazil) |
| NBS | Norwegian Farmers Union (Syarikat Petani Norwegia) |
| NGO, Ornop | Non Government Organization (Pertubuhan bukan kerajaan) |
| OXFAM | NGO Antarabangsa yang komited kepada isu petani dan pertanian |

| | |
|------------|---|
| PAN | Pesticide Action Network (NGO antara bangsa maupun di Indonesia yang aktif dalam isu pertanian) |
| PBHI | Perhimpunan Bantuan Hukum Indonesia |
| SAP | Structural Adjustment Program (Program Penyesuaian Struktural daripada International Monetary Fund (IMF)) |
| SPI | Serikat Petani Indonesia/Syarikat Petani Indonesia |
| SPS | Serikat Penerbit Suratkabar/Syarikat Penerbitan Akhbar |
| Transgenik | Transformasi genetika (pengubahsuaian secara genetik) |
| UNAC | The Mozambique Farmers' Union (Syarikat Petani Mozambique) |
| UNIC | United Nation Information Center (Pusat Matlamat Bangsa-Bangsa Bersatu) |
| Walhi | Wahana Lingkungan Hidup Indonesia (Forum NGO untuk isu Alam Sekitar di Indonesia) |
| WFP | World Food Program |
| YLKI | Yayasan Lembaga Konsumen Indonesia (suatu NGO yang komited kepada kepentingan pengguna produk/perkhidmatan di Indonesia). |

**KESELAMATAN MAKANAN DAN KEDAULATAN MAKANAN DI
INDONESIA: SATU KAJIAN KES TERHADAP ANALISIS WACANA
KRITIKAL AKHBAR KOMPAS**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis teks media, amalan wacana media dan amalan wacana sosial budaya tentang keselamatan makanan dan kedaulatan makanan oleh akhbar Kompas Indonesia dari tahun 1996 hingga 2012. Pendekatan analisis wacana kritis oleh Norman Fairclough digunakan untuk mencapai objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan terdapat enam kumpulan wacana yang dibincangkan akhbar Kompas mengenai keselamatan makanan dan kedaulatan makanan iaitu: 1) munculnya wacana keselamatan makanan; ii) wacana perniagaan antara bangsa yang adil; iii) wacana penolakan kapas secara modifikasi genetik dan import beras; iv) wacana kedaulatan makanan sebagai hak asasi petani, bangsa dan negara; v) wacana petani dan kedaulatan makanan; dan vi) wacana gerakan kedaulatan makanan antara bangsa. Wacana ini terbina dari faktor amalan wacana media khasnya rutin media, dan perubahan peraturan media di Indonesia khasnya sejak tahun 1998— iaitu daripada peraturan negara kepada peraturan pasaran. Amalan wacana akhbar Kompas dalam liputan keselamatan makanan dan kedaulatan makanan lebih memfokus kepada sasaran pembaca/penggunanya iaitu kumpulan pembaca di kawasan bandar, kelas pertengahan baik dari segi pendapatan mahupun pendidikan. Berdasarkan kepada amalan sosial budaya, pembinaan wacana juga terwujud berdasarkan faktor dalaman seperti program keselamatan makanan merupakan pertarungan antara pelbagai kuasa antarabangsa yang memberi kesan kepada kegagalan program keselamatan makanan.

**FOOD SECURITY AND FOOD SOVEREIGNTY IN INDONESIA: A CASE
STUDY ON CRITICAL DISCOURSE ANALYSIS OF
KOMPAS NEWSPAPER**

ABSTRACT

This study aims to analyse media text, media practice, and socio-cultural practice on food security and food sovereignty reporting in Kompas Newspaper Indonesia between 1996 and 2012. Critical discourse analysis approach by Norman Fairclough was employed to achieve the research objectives. Study findings identify six group of discourses used in Kompas on food security and food sovereignty which are: i) The emerge of food security discourse; ii) International fair trade; iii) The rejection of genetic modified cotton and imported rice; iv) food sovereignty as the rights of peasant, nation and state; v) peasant and food security; and vi) international food sovereignty movement. These discourses were formed due to media discourse practice especially on media routine and the shifting of Indonesia media regulation in Indonesia, which especially happen since 1998 –that is from state regulation to market regulation. Kompas coverage the food security and food sovereignty issues are more focused based on their target reader/user which are reader groups in urban and middle-class in terms of income or education. Based on social-cultural practices, the formation of discourse was also due to the repercussion on contested social and cultural power at international level which subsequently has failed the food security program.

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan latarbelakang, persoalan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian. Latarbelakang kajian menjelaskan pentingnya kajian tentang keselamatan makanan dan kedaulatan makanan ini dilakukan khasnya perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian wacana akhbar dalam bidang komunikasi. Lebih jauh, kajian ini membincangkan tiga faktor yang menjadi asas bagi pentingnya melakukan penyelidikan isu keselamatan makanan dan kedaulatan makanan dalam akhbar. Faktor-pertama ialah pertimbangan moral dan konteks penterapan konsep keselamatan makanan di Indonesia. Faktor kedua, membincangkan mengenai perkembangan kajian makanan secara umum dalam kajian komunikasi massa dan ketiga, membincangkan isu keselamatan dan kedaulatan makanan berdasarkan adanya sistematik bias daripada pemberitaan akhbar. Pada bahagian juga dibincangkan kaedah penyelidikan iaitu kajian wacana kritikal yang memfokus kepada fungsi ideologi berita media.

Dalam bahagian persoalan kajian, kajian ini menjelaskan konteks masaalah yang akan wacana keselamatan makanan dan kedaulatan makanan di Indonesia dan seterusnya menyusun persoalan penyelidikan. Bab satu ini kemudian ditutup dengan penjelasan mengenai objektif kajian dan kepentingan kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Penyelidikan ini berkenaan dengan analisis wacana keselamatan makanan (*food security*) dan kedaulatan makanan (*food sovereignty*) di akhbar Kompas Indonesia. Ada tiga faktor yang menyebabkan kes tentang keselamatan dan kedaulatan makanan dalam akhbar ini sangat penting untuk dikaji. Pertama ialah berkenaan akan kesan kedua konsep tersebut utamanya kepada masyarakat dan negara Indonesia. Gagasan dan wacana keselamatan makanan pertama sekali menjadi wacana rasmi negara-negara dunia ketika *World Food Conference* tahun 1974 di Rome Italy yang dilaksanakan oleh Food & Agriculture Organization (seterusnya disebut sebagai FAO) –iaitu sebuah agensi di bawah pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Mesyuarat itu sendiri bertajuk “*International undertaking on World Food Security*” dan dihadiri oleh perwakilan rasmi 135 negara (Wittman, Desmarais & Wiebe, 2010). Keselamatan makanan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut sebagai adanya usaha negara untuk menyediakan bekalan makanan dan pembangunan negara.

Kesejahteraan rakyat di dunia sebahagian besarnya bergantung kepada pengeluaran dan pengedaran makanan yang mencukupi serta penubuhan sistem keselamatan makanan dunia yang akan memastikan ketersediaan dan harga yang berpatutan untuk makanan sepanjang masa tanpa mengira turun naiknya harga, ragam cuaca mahupun tekanan politik dan ekonomi, dan oleh itu, memudahkan proses pembangunan negara-negara membangun. (UN 1974)

Pada tanggal 13-17 November 1996, FAO melaksanakan *World Food Summit* di Rome Italy. Persidangan tersebut dihadiri oleh 185 perwakilan negara dan menghasilkan kesepakatan pada dua dokumen, iaitu *Rome Declaration on Food Security* dan *World Food Summit Plan of Action*. Para pemimpin kerajaan bersetuju

untuk meraih capaian dalam bidang keselamatan makanan terutamanya mengurangi separuh jumlah penderita kekurangan makanan pada tahun 2015. Menurut data FAO pada tahun 1996, 854 juta dari 5.67 bilion penduduk dunia yang menderita kurang makanan, diantaranya 200 juta kanak-kanak menderita kurang zat makanan. Laporan Bangsa-Bangsa Bersatu juga mencatat bahawa 3-5 ribu orang mati setiap hari akibat kelaparan. Untuk mengurangi masalah ini, para pemimpin kerajaan mengubahsuai *the World Food Summit a Plan of Action* daripada FAO tahun 1996 dalam pelbagai kebijakan di negara mereka.

Di antara program tersebut adalah dikeluarkannya resolusi nombor 176 tahun 1996 yang salah satu matlamatnya menjadikan hari pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan FAO pada tanggal 16 Oktober sebagai Hari Makanan Antara Bangsa (*World Food Day*). Selain daripada itu, FAO juga melancarkan konsep keselamatan makanan yang berbeza dengan konsep awal sebagai suatu upaya untuk mengatasi bahaya kelaparan yang menimpa dunia.

“Keselamatan makanan ialah satu keadaan yang wujud apabila semua orang pada setiap masa mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, dan berkhasiat; dapat memenuhi keperluan pemakanan mereka serta memiliki pilihan makanan untuk kehidupan yang baik serta hidup sihat. (FAO, 1996)

Perjanjian akan keselamatan makanan tahun 1996 ini kemudian dikuatkuasakan melalui persidangan pemimpin-pemimpin antara bangsa tahun 2000 di ibu pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu. Persidangan ini kemudian menghasilkan kesepakatan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai *Millenium Development Goals* (MDGs) yang matlamat pertamanya ialah membasmi kemiskinan dan kelaparan yang melampau di dunia.

Ketika ini, 19 tahun selepas matlamat *World Food Security* dikeluarkan dan tamatnya masa program MDGs, Bangsa-Bangsa Bersatu telah pun mengeluarkan *The Millennium Development Goals Report 2015* (United Nation. 2015). Bangsa-Bangsa Bersatu dalam laporan tersebut menyatakan bahawa:

1. Tahap kemiskinan yang melampau telah menurun dengan pasti dalam dua dekad terakhir. Pada tahun 1990, hampir separuh penduduk negara-negara membangun hidup dengan perbelanjaan kurang daripada AS \$1.25 sehari; bahagian ini telah menurun 14 peratus tahun 2015
2. Di peringkat global, jumlah orang yang hidup dalam kemiskinan yang melampaui telah pun menurun lebih dari separuh, jatuh dari angka 1.9 bilion tahun 1990 kepada 836 juta pada tahun 2015.
3. Jumlah orang yang kekurangan zat makanan di negara-negara membangun telah turun melebihi separuh sejak tahun 1990, mulai dari angka 23.3 peratus bagi tahun 1990 hingga 1992 kepada 12.9 peratus bagi tahun 2014 hingga 2016.

Berdasarkan data FAO mengenai jumlah penduduk miskin dunia tahun 1996, angka kemiskinan pada tahun 1996 berada pada 14.5 peratus (dengan jumlah orang miskin 840 juta dan jumlah penduduk 5.67 bilion). Sementara itu, dalam laporan MDGs 2015 dinyatakan bahawa jumlah orang miskin 836 juta orang dan jumlah penduduk sekitar 7 bilion (12 peratus). Hal lain yang patut dianalisis ialah bahawa kadar yang digunakan dalam Laporan MDGs Bangsa-Bangsa Bersatu ini ialah keupayaan membeli produk untuk orang-orang di negara-negara membangun yang

sama dengan AS \$ 1.25 setiap hari. Jumlah penduduk miskin ini tentu lebih besar jika digunakan kadar yang berbeza di FAO, umpamanya AS \$ 2 setiap hari.

Jika dilakukan ulasan mengenai keadaan di Indonesia, faktanya tidak jauh berbeza dari peringkat global di atas. Jumlah penduduk Indonesia tahun 2015 ialah 255.5 juta orang dan 63 peratus ada di kawasan kampung. Penduduk miskin Indonesia dengan keupayaan membeli produk sebesar AS \$ 1,25 ada sebanyak 28.59 juta orang atau 11.22 peratus dari keseluruhan penduduk. Berdasarkan matlamat Badan Pusat Statistik Indonesia (BPS, 2015) didapati bahawa seseorang berada dalam garis kemiskinan yang melampau ialah rata-rata perbelanjaan setiap bulan di bawah Rp. 330,766/bulan (bersamaan dengan RM 101).

Jadual 1.1: Jumlah Penduduk Miskin di Indonesia 2012-2015 (BPS, 2015)

| Tahun | Jumlah Penduduk Miskin (Juta) | | | Peratus Penduduk Miskin (%) | | |
|-------|-------------------------------|-------------|----------------------|-----------------------------|-------------|----------------------|
| | Bandar | Luar Bandar | Bandar + Luar Bandar | Bandar | Luar Bandar | Bandar + Luar Bandar |
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 2012 | 10.65 | 18.48 | 29.13 | 8.78 | 15.12 | 11.98 |
| 2013 | 10.33 | 17.74 | 28.07 | 8.39 | 14.32 | 11.37 |
| 2014 | 10.51 | 17.77 | 28.28 | 8.34 | 14.17 | 11.25 |
| 2015 | 10.65 | 17.94 | 28.59 | 8.29 | 14.21 | 11.22 |

Selain daripada itu, wujudnya kebergantungan Indonesia kepada pasaran antara bangsa apabila menentukan harga komoditi produk pertaniannya. Ini bererti apabila terjadi perubahan pola-pola pengeluaran-pengedaran-penggunaan di pasaran antara bangsa untuk produk tertentu, maka akan memberi kesan langsung kepada Indonesia. Indonesia mengalami krisis makanan sejak tahun 1998 (krisis ketiadaan beras), susu dan minyak goreng (2007) dan kacang soya (2008). Tujuh jenis

makanan masyarakat ketika ini sangat bergantung kepada pasaran antara bangsa. Indonesia dalam 5 tahun terakhir telah mengimport kacang soya rata-rata 1,091 juta tan atau 65 peratus dari total keperluan kacang soya di dalam negara. Kebergantungan akan bahan makanan yang sangat tinggi ini berpunca pada surat hasrat antara International Monetary Fund (IMF) dan Indonesia di sektor pertanian bagi tahun 1998 hingga 2005. Keadaan ini sangat berbeza dengan kebijakan pertanian di negara-negara maju, seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Eropa Bersatu yang memberikan subsidi pertanian agar komoditi yang dihasilkan petani mereka dapat memenangi persaingan di pasaran dunia.

Dalam dekad terakhir ini, kebijakan ekonomi telah pun condong ke arah neo-liberalism dan berlaku apabila merata kerajaan boleh dipaksa oleh institusi-institusi kewangan antara bangsa (World Bank dan IMF) untuk:

- a) Menjalankan perdagangan bebas yang memberi kesan kepada banyaknya produk import di pasaran tempatan, memotong pelbagai subsidi kerajaan kepada petani, kempen tentang produk yang boleh dieksport, *patenting crop genetic resources*, dan lainnya. Ketika ini hampir 97 peratus perdagangan makanan antara bangsa dikuasai oleh syarikat-syarikat perdagangan antara bangsa.
- b) Kebijaksanaan pertanian lebih banyak diutamakan untuk kepentingan eksport, daripada untuk memenuhi keperluan masyarakat tempatan.

Ketika World Food Summit 1996 itu juga syarikat-syarikat petani antara bangsa, pergerakan manusia tiada tanah dari 56 negara yang tergabung dalam organisasi La Via Campesina melaksanakan kempen global tentang pembaharuan pertanian. La Via Campesina, ditubuhkan tahun 1993 dan dalam peringkat antara

bangsa juga banyak melaksanakan kempen tentang Anti Globalisasi, Anti World Bank dan WTO. Dalam kempen itu, La Via Campesina mengajukan gagasan tentang kedaulatan makanan atau *Food Sovereignty* (La Via Campesina. 2008; La Via Campesina. (2009a); La Via Campesina. (2009b); La Via Campesina (2009c); La Via Campesina (2009d); dan Ronaldo Munck (2007, p 99-10). Gagasan kedaulatan makanan digunakan oleh La via Campesina sebagai wacana dan paradigma alternatif tentang makanan dan pertanian.

Kedaulatan makanan ialah hak daripada manusia, negara dan bangsa untuk mentakrifkan polisi pertanian dan makanan mereka tanpa pembuangan komoditi pertanian kepada negara-negara asing. Kedaulatan makanan menganjurkan pengeluaran dan penggunaan makanan mengikut keperluan masyarakat tempatan, memberi keutamaan kepada pengeluaran untuk pasaran tempatan. Kedaulatan makanan termasuk dalamnya ialah hak untuk melindungi dan mengawal pengeluaran pertanian dan ternakan dalam negara dan melindungi pasaran tempatan daripada pembuangan kelebihan pengeluaran pertanian dan import-import produk dengan harga rendah dari negara-negara lain. (La Via Campesina, 2008, Par. 5).

Ketika ini, isu makanan telah menjadi platform bersama bagi penyokong gerakan keadilan sosial di pelbagai forum antara bangsa. Gerakan ini berkembang secara cepat dan bertumpu ke arah perjuangan untuk kedaulatan makanan. Dalam pertemuan Forum Sosial Antara Bangsa (World Social Forum) 2010 di Detroit Amerika Syarikat, pelbagai pertubuhan bukan kerajaan, dan pertubuhan masyarakat sivil secara bersama mengeluarkan matlamat mengenai “Perhimpunan Gerakan Rakyat kepada Kedaulatan Makanan (*The People’s Movement Assembly on Food Sovereignty*). Merujuk kepada Holt Gimenez (2010), matlamat ini memfokus kepada adanya kesaksamaan kaum di bidang keadilan makanan, keselamatan ekonomi, dan kebebasan politik (dipetik daripada Carney, 2011).

Adanya dua wacana yang berbeza ini mengisyaratkan bahawa kajian akan makanan juga berhubungkait dengan kuasa ekonomi politik (selalu disebut dengan istilah *politzation of food*) dan adanya perlawanan yang kuat dari gerakan sosial di dunia terhadap kuasa tersebut. Kuasa ekonomi politik mengendalikan pelbagai kumpulan sosial yang ada di masyarakat yang akan berfungsi sebagai pelaksana hegemoni politik kelas yang berkuasa. Dalam bidang makanan, Harriet Friedmannn dan Philip McMichael (2009; dan juga dipetik oleh Fairbairn 2010) menyebut kuasa ekonomi politik ini sebagai “*food regimes*” –suatu rangkaian syarikat antara bangsa yang menguasai pasaran makanan mulai dari proses pengeluaran, pemasaran sampai dengan penggunaannya. Kuasa ekonomi politik ini menggalakkan kempen supaya nilai-nilai, ideologi dan cadangan mereka diterima, dan dihayati secara sedar atau tanpa disedari oleh seluruh masyarakat.

Nilai-nilai, ideologi dan idea-idea ini masuk ke dalam fikiran dan tindakan sehingga takrif keadaan dan perilaku yang dihantarkan kelompok berkuasa dianggap semula jadi dan diterima. Dalam bidang makanan, umpamanya, banyak kajian yang berhubungkait dengan makanan dan teknologi pertanian yang diubah suai secara genetik (seterusnya dipanggil dengan GM-Food atau Genetic Modified Food). Kajian-kajian itu mendapati bahawa kumpulan yang berkuasa di bidang teknologi genetik akan membingkai GM-Food sebagai: 1) membantu mengurangkan kemiskinan dunia; 2) membantu mengurangkan kebuluran dan kemiskinan di negara membangun dan menyelamatkan berjuta-juta nyawa (Eyck, 2005; Cook, Robbins, & Pieri, 2006; Martha, Crabb, & Sheperd, 2010; Oh & Kim (2012).

Sistem dan pandangan hidup yang telah dibina oleh syarikat-syarikat ini, walaupun bagaimanapun, tidak selamanya kekal. Ia ada kalanya mengalami krisis

ataupun menghadapi cabaran dari gerakan sosial yang bekerja pada isu-isu pertanian, makanan atau anti globalisasi. Isu keselamatan dan kedaulatan makanan setakat ini juga telah mendominasi wacana mengenai krisis makanan dunia. Salah satu strategi yang paling efektif baik untuk menghadapi cabaran dan melawan rintangan kuasa oleh penyokong-penyokong gagasan keselamatan dan kedaulatan makanan ialah melalui media massa dan pendidikan.

Keadaan inilah yang menyebabkan mulai banyaknya kajian mengenai makanan dan politik, seperti yang dilakukan oleh Nestle 2003, Patel 2007, Guthman 2011, Williams-Forson and Counihan 2012 seperti dipetik dalam Carole & Esterik (2013). Kajian lain seumpamanya, Rosset, Patel, & Courville (2006); kertas-kertas kerja La Via Campesina mengenai pengisytiharan hak-hak petani (La Via Campesina 2009a), tentang gerakan rakyat antara bangsa (2009c) dan cabaran kepada metod pertanian yang digunakan negara-negara G-8 (2009d); Weber (2009) mengenai *Food Inc.*; McMichael A tentang *food regime genealogy* (2009); Schanbacher (2010) yang membahas konflik global antara wacana keselamatan dan kedaulatan makanan; Wittman, Desmarais & Wiebe (2010) yang membahas hubungkait antara makanan, persekitaran dan masyarakat; Bommel & Spicer (2011) yang memberi kejelasan mengenai gerakan ‘*Slow Food Movement*’ sebagai cabaran kepada gaya hidup *makanan segera*; Bove & Dufour (2012) yang membincangkan makanan untuk masa depan.

Faktor kedua ialah bahawa isu dan terma makanan merupakan wacana yang selalu diperbincangkan oleh setiap orang dalam kehidupan seharian. Perbincangan mengenai “makan apa hari ini”, atau “makan di mana hari ini”, atau bagi sebahagian

besar orang di dunia ini ungkapan “bolehkah kita makan hari ini” selalu mewarnai kehidupan keseharian manusia.

Tidaklah menghairankan apabila ada yang menyatakan bahawa makanan selalu berhubungkait dengan budaya (Bell & Valentine, 1997, Kittler & Sucher, 2008). Bell dan Valentine (1997) menyatakan bahawa makanan dan citarasa tidaklah hanya mencerminkan diri kita semata, melainkan juga bekerja untuk membina pengenalan budaya kita. Sementara itu, Kittler & Sucher (2008) menyatakan bahawa tabiat atau kebiasaan makan dari setiap budaya selalunya berasaskan kepada keyakinan agama atau perilaku etnik. Maknanya ialah apa yang dimakan seseorang akan menentukan siapa dirinya dan siapa yang berbeza budaya dengan dirinya. Ada stereotaip di Amerika Syarikat yang menyatakan bahawa orang Jerman ada kalanya dipanggil sebagai “*krauts*”, Cina dengan “*cookies*” atau “*dimsum*”, Italy sebagai “*spaghetti bender*”, Ireland sebagai “*potatoheads*”, orang Korea dipanggil dengan “*kimchi*” dan orang-orang dari Selatan sebagai “*crackers*” – panggilan bagi pendatang awal di wilayah Georgia Amerika Syarikat yang boleh hidup dengan hanya memakan biskut atau keropok. Barthes (dipetik dari Counihan & Esterik, 2013) menegaskan bahawa makanan bukan sahaja berhubungkait dengan koleksi produk yang boleh digunakan untuk kajian statistik atau pemakanan. Ia juga, dan pada masa yang sama, merupakan sistem komunikasi, sebuah imej, protokol tentang kelaziman, situasi, dan tingkah laku.

Kajian dan tulisan saintifik mengenai makanan juga berkembang dengan cepat selama dekad terakhir. Beberapa bibliografi umpamanya menjelaskan mengenai makanan dan falsafah (Korsmeyner, 2002, Heldke, 2003, Kaplan, 2012 seperti dipetik dalam Carole & Esterik 2013) dan Elizabeth Telfer (2002); makanan dan psikologi (Conner dan Armitage, 2002, Ogden 2010 seperti dipetik dalam Carole

& Esterik 2013); geografi (Bell & Valentine, 1997); sosiologi dan menu (Beardsworth & Keil, 1997); makanan dan film (Bower, 2004); novel dan makanan (Annette Cozzi, 2010); makanan, tenaga dan masyarakat (Pimentel & Pimentel, 2008); makanan, keadilan dan kemampaman (Keith, 2009); makanan dan budaya (Ashley, Hollows, Jones & Ben, 2004; Kittler & Sucher, 2008; Carole & Esterik 2013). Kajian dan bibliografi ini tentu sahaja akan semakin lengkap jika kajian umum mengenai makanan seperti masakan dan budaya, kajian ekonomi dan pertanian disertakan.

Wacana tentang makanan juga berkembang dengan cepat melalui media massa. Di Amerika Syarikat sebanyak 150 majalah tentang makanan dan wain yang diterbitkan setiap bulan. Selain daripada itu, sebanyak 500 juta buku tentang makanan dan wain dijual setiap tahun, dan sejumlah programma memasak dipertunjukkan di stesyen TV, majalah dan akhbar (Kittler & Sucher, 2008). Pertumbuhan yang sama juga terjadi di media massa Indonesia. Program berkenaan dengan makanan muncul mulai dari maklumat resipi masakan, iklan, pertunjukan memasak hingga rancangan realiti televisyen seperti “master chef Indonesia”. Program televisyen ini tidak hanya menghadirkan wacana makanan sebagai makanan sahaja melainkan juga makanan ialah aktiviti yang menyeronokkan dan memberikan hiburan. Selain daripada itu, program makanan di media juga memberi rayuan kepada penonton/pembaca supaya kelihatan terkenal, menjadi selebriti dan bergaya.

Faktor ketiga yang menyebabkan kajian kes keselamatan dan kedaulatan makanan ini penting ialah berasaskan pertimbangan akademik berkenaan kajian media, makanan dan gerakan sosial yang bergerak pada bidang pertanian di

Indonesia. Pada peringkat antara bangsa sampai setakat ini, kajian berkenaan dengan isu-isu gerakan sosial, makanan, budaya, alam sekitar mahupun globalisasi telah banyak dijalankan. Kajian-kajian ini, dapat dibezakan berdasarkan paradigma yang digunakan. Beberapa kajian menggunakan pendekatan positivisme yang menyatakan bahawa media merupakan alat untuk penghantaran mesej di bidang makanan, iaitu:

- a) Kajian Sheridan (2000) menghubungkait isu jantina dan perbezaan budaya secara bersama-sama dalam menganalisis imej makanan di The Australian Women's Weekly pada tahun 1960-an. Amalan makanan terbentuk oleh faktor-faktor seperti budaya makan di luar, pelancongan, kesan daripada buku-buku resipi popular, dan majalah. Selain itu, budaya amalan makanan ini juga disokong oleh adanya masukan dari ahli makanan, pakar pemakanan, selebriti yang menjual produk makanan dan pengiklan.
- b) Kajian yang menunjukkan keberkesanan penggunaan platform media sosial untuk menyebarkan maklumat berkaitan keselamatan makanan (contohnya, Newkirk, Bender, & Hedberg, 2012). Mayer dan Harrison (2012) juga mendapat bahawa kempen “*Safe Eat*” di facebook berhubungkait dengan meningkatnya sikap dan amalan akan keselamatan makanan khususnya pada pengguna aktif Facebook (dipetik dari De Boer, McCarthy, Brennan, Kelly, & Ritson , 2004)
- c) Pemberitaan media memberi kesan yang besar kepada persepsi orang ramai akan keselamatan makanan (Fleming, Thorson, & Zhang 2006, ms 789-806.).
- d) Kajian McCarthy, Brennan, Kelly, Ritson, De Boer & Thompson (2007) tentang pengetahuan masyarakat akan keselamatan makanan dan sains makanan berdasarkan pada akhbar yang mereka baca. Berasaskan pada faktor

pengetahuan akan keselamatan makanan, McCarthy. et.al. mengelompokkan pembaca akhbar tersebut kepada empat segmen, iaitu kumpulan pembaca yang “berisiko”, “kurang sedar akan keselamatan dan sains makanan”, “kekurangan pengetahuan keselamatan makanan”, dan “yang telah mendapat maklumat”.

- e) Kajian Mou, Yi & Lin, Carolin A. (2014) berkenaan penggunaan Weibo (*platform microblog*) dan kesannya pada aspek kognitif, afektif dan perilaku masyarakat China. Berdasarkan sampel 1.360 pengguna dewasa Weibo di seluruh China, kajian mendapati bahawa penggunaan Weibo menyumbang kepada terbinanya pengetahuan dan perilaku berkenaan dengan keselamatan makanan. Beberapa kajian awal mendapati bahawa ada penapisan terhadap media dan internet yang dilakukan kerajaan China serta kurang terbukanya matlamat dan inisiatif untuk menyampaikan mesej berkenaan keselamatan makanan. Keadaan ini memaksa masyarakat China menggunakan platform media sosial (*microblog*) secara menyeluruh. Meningkatnya penggunaan media sosial sebagai pengasas berkongsi matlamat telah membawa perubahan dalam menjalankan penyampaian mesej kepada orang awam. Kajian Ding dan Zhang (2010), contohnya, mendapati bahawa pelajar dari sebuah universiti di Beijing tahun 2010 melaporkan adanya wabak selesema H1N1 melalui media sosial. Maklumat ini dengan cepat merebak ke orang awam, sebelum mereka mengetahui secara pasti amaran dari pegawai kerajaan terhadap kes tersebut (dipetik dari Mou & Carolin. 2014)
- f) Satu analisis kandungan *tweet* yang disiarkan semasa wabak *Escherichia coli bacteria* di Eropah tahun 2011 menegaskan bahawa perilaku orang dalam menghadapi krasis ini dinamik, iaitu ada yang berkeinginan untuk mencari

maklumat, dan bahkan menunjukkan kemarahan (Gaspar, Goarjo, Seibt, Lima, Moss & Wills. 2014)

Kajian-kajian positivisme dengan menggunakan analisis kandungan media juga telah kerap dilakukan, contohnya Folta, Goldberg, Christina, Bell, & Meltzer, (2008), Henderson dan Kelly (2005), Kean dan Prividera, 2007 (dipetik daripada Kean, Prividera, Boyce, & Tamara Curry 2008). Lima jenama terbesar yang melakukan iklan di bidang makanan ialah McDonalds, Kentucky Fried Chicken, Wendy, Pizza Hut, dan Burger King. Selain daripada itu, iklan yang disasarkan kepada kanak-kanak membingkai makanan dan minuman dengan masa yang baik (75%), perasaan menyenangkan (43.2 %), dan gembira (43.2 %) (Sheridan, 2000, dipetik dari Folta et.al 2008). Sebanyak 51 peratus daripada iklan makanan dalam rancangan televisyen di Amerika Syarikat dari pukul 02:00 petang sehingga pukul 10 malam disasarkan pada kanak-kanak. Iklan-iklan makanan tersebut kebanyakan iklan untuk pizza/makanan segera, makanan sarapan pagi, dan gula-gula. Pada tayangan waktu perdana program televisyen, iklan makanan mengandung 18 peratus daripada seluruh jumlah pengiklanan (Folta et.al, 2008)

Kean dan Prividera (2007) telah menjalankan satu analisis kandungan iklan untuk produk penggunaan (makanan, minuman, vitamin dan makanan tambahan) dalam dua Majalah utama: Essence, yang ditujukan untuk pembaca wanita Afrika Amerika dan Cosmopolitan untuk pembaca perempuan secara am. Tiga produk yang paling banyak diiklankan dalam Essence ialah barang-barang makanan, minuman bukan alkohol dan makanan segera (dengan kuantiti hampir 15 peratus daripada jumlah iklan). Pada Cosmopolitan, produk yang paling banyak diiklankan ialah makanan, minuman beralkohol dan produk penurunan berat badan.

Henderson dan Kelly (2005) juga mendapati bahawa program televisyen untuk masyarakat Afrika Amerika lebih banyak tentang iklan "makanan segera, gula-gula, minuman berperisa atau daging dan kurang untuk bijirin, buah-buahan dan sayur-sayuran, pencuci mulut atau alkohol" berbanding dengan program-program yang bertujuan untuk pasaran umum (ms. 191). Henderson dan Kelly mencadangkan bahawa:

"Salah satu halangan terbesar untuk mengurangkan konsumsi kalori ialah pemasaran dari pengeluar makanan yang kurang sihat (contohnya, gula-gula, minuman berperisa) dan tidak mencukupinya kempen dan pemasaran untuk makanan yang sihat "(ms.191).

Kajian lain menunjukkan bahawa pemasaran makanan segera menguasai hampir 30 peratus daripada pengiklanan makanan di Amerika Syarikat (Grier, 2007). Tirodkar dan Jain (2003) mendapati bahawa 31 peratus daripada iklan yang disasarkan kepada masyarakat Afrika Amerika ketika masa tayangan utama televisyen adalah makanan segera. Dalam siasatan berkenaan pilihan makanan siswa gred kelima di Australia, Dixon, Scully, Wakefield, White dan Crawford (2007) mendapati bahawa mesej mengenai makanan yang sihat mempengaruhi sikap kepada penggunaan makanan sihat (dipetik dari Kean,et al. 2008)

Carole & Esterik (2013) menyatakan bahawa feminism dan kajian wanita memberikan sumbangan yang besar bagi pertumbuhan kajian kepada makanan ini. Hal ini dapat dilihat daripada kajian-kajian awal Avakian (1997), ataupun kajian-kajian mengenai media dan makanan seperti yang dilakukan oleh Rebecca (2007), TJM Holden tentang "*Masculinities in Japanese Food Programming* (dipetik dari Carole dan Esterik, 2013)" dan Kropp (2015) mengenai pemaknaan jantina pada program televisyen tentang makanan.

Faktor ketiga, isu keselamatan dan kedaulatan makanan juga boleh dibincangkan berasaskan adanya sistematik bias daripada pemberitaan akhbar. Kajian-kajian yang membincangkan sistematik bias ini secara am mengguna pakai paradigma kualitatif, sama ada melalui pendekatan pentafsiran (*constructionism approach*) mahupun kritikal. Isu sistematik bias ini sebenarnya juga telah lama dibincangkan dalam kajian komunikasi dan kajian budaya. Stuart Hall (1986, dan 2000) semenjak dekad 1980-an menyatakan bahawa ketika ini terjadi krisis dalam perkembangan media massa, yang dapat dikenali dari: a) kadar bias secara sistematik berkenaan peristiwa sosial, politik dan budaya yang diberitakan oleh media; b) hubungan antara negara, modal, masyarakat dan media.

Kajian tentang krisis akhbar ini telah banyak dilakukan, misalnya kajian klasik mengenai gerakan kiri di Amerika Syarikat (*The New Left Movement*) yang menentang Perang Vietnam keselamatan 1960-an (Gitlin. 1980). Gerakan mahasiswa ini dibingkai media di Amerika Syarikat ketika itu sebagai gerakan yang penuh dengan kekerasan, dan stereotaip seperti Gerakan Neo-Nazi. Selain daripada itu, akhbar juga membingkai bahawa pelaku gerakan ini adalah individu-individu dengan perilaku yang tidak benar. Contoh lain, bingkai pemberitaan akhbar tentang Perang Teluk ialah tentang “*dehumanizing the enemy*”, “*terrorism*” dan bahawa “perang yang dilakukan Amerika Syarikat adalah jalan terakhir setelah upaya-upaya pemujukan tidak berkesan”. Selain itu, ada juga kajian tentang peranan akhbar sebagai arena sosial yang mengertikan akhbar sebagai wahana pelbagai pihak untuk menyebarluaskan konstruksi realiti sosial yang mereka pandang paling benar (Jensen & Jankowski (1993), Riggins (1997); Gamson dan Modigliani (1989).

Kajian lain, contohnya dilakukan oleh Izadi & Saghaye-Biria (2007), dan Mellor (2009). Izadi & Saghaye-Biria menyelidik kandungan isi The Wall Street Journal, The New York Times, dan The Washington Post. Ketiga akhbar ini dianggap akhbar terbesar di Amerika Syarikat (menempati peringkat kedua, ketiga dan kelima) dari segi saiz edaran. Kajian Izadi & Saghaye-Biria (2007) ini menjelaskan konstruksi ideologi asas Amerika Syarikat terhadap program nuklear Iran pada ruangan editorial tiga akhbar. Kajian Kajian Izadi & Saghaye-Biria (2007) ini memberi tumpuan kepada sama ada konstruksi ini membentuk identiti *in-group* dan *out-group* berdasarkan imej Orientalis Islam dan umat Islam. Ideologi ditakrifkan di sini sebagai "rangka kerja mental, [iaitu] bahasa, konsep, kategori, imej pemikiran, dan sistem perwakilan (*representation*) yang digunakan pelbagai kumpulan untuk memahami dan menjelaskan cara kerja masyarakat (Hall, 1996, ms. 26). Konstruksi ideologi biasanya mengandung pendapat, perspektif, kedudukan, kepentingan atau bentuk lain daripada sesuatu kumpulan.

Dapatan daripada Izadi & Saghaye-Biria (2007) menunjukkan bahawa akhbar The Wall Street Journal, The New York Times, dan The Washington Post menyimpulkan masalah nuklear Iran dari dua segi, iaitu kumpulan Oriental tidak amanah dan Islam sebagai satu ancaman. Iran selalunya dikonstruksi sebagai "kumpulan Islam garis keras", "rejim fundamentalis Islam" atau "pemerintahan Mullah". Menurut akhbar The Wall Street Journal, The New York Times, dan The Washington Post, kerajaan Iran tidak boleh dipercayai dalam teknologi nuklear.

Mellor menganalisis liputan artikel muka depan media pan-Arab dalam Perang Iraq tahun 2003 (Mellor. 2009). Media yang dikaji ialah Al Quds, Al Arabi, Al Ahram. Dalam kajian ini, Mellor mendapati bahawa Al Quds Al Arabi dan Al Ahram menggunakan idea yang dipanggil sebagai "*politic of pity*" untuk

mencetuskan simpati terhadap rakyat Iraq. Salah satu strategi yang dilancarkan untuk menguatkuaskan politik ini ialah penggunaan metafora. Al Quds Al Arabi, umpamanya sentiasa mengguna metafora Amerika Syarikat sebagai '*butcher*' yang melakukan 'pembunuhan beramai-ramai' untuk menguatkuaskan penindasan daripada menolong rakyat Iraq.

Selain daripada itu, kajian Mellor juga menunjukkan bahawa operasi ketenteraan Amerika diterangkan secara kiasan sebagai "sebuah angin ribut yang baharu" (*a new storm*) yang akan melanda Iraq. Kata sifat "baharu" ditampilkan secara simbolik untuk menegaskan bahawa perperangan ini bukanlah yang pertama terhadap Iraq (merujuk kepada Perang Teluk 1991). Kata "storm" juga merujuk kepada besarnya kuasa Amerika Syarikat. Kuasa ini dinyatakan kembali melalui rujukan kepada tentera Kurdish yang menyerahkan kuasa mereka kepada kawalan kepimpinan Amerika. Kuasa Amerika Syarikat juga ditonjolkan melalui penggunaan kata kerja transitif aktif. Sebagai contoh, tentera Amerika dikatakan berhasrat untuk menggunakan pangkalan Arab (akan menggunakan pangkalan Arab dalam pertempuran).

Al Ahram sebaliknya lebih menggambarkan perang Iraq dari segi "*masculinizes the war discourse*". Mellor mendapati bahawa kandungan berita Al Ahram menggambarkan perang Iraq sebagai perang dua kuasa yang sama perkasa. Selari dengan itu, Al Ahram juga membingkai perang Iraq dari aspek perlawanan pasukan Iraq terhadap kuasa ketenteraan Amerika Syarikat.

Zayani dan Ayish (2006) melakukan analisis visual dan naratif berkenaan liputan kejatuhan Baghdad di tiga saluran satelit pan-Arab sama ada penyokong ataupun pembangkang Saddam Hussein. Temuan kajian mendapati bahawa liputan tiga saluran satelit pan-Arab lebih membingkai kehancuran Baghdad berbanding

dengan isu munculnya rejim pemerintahan yang baru. Selain itu, Al Qadri (2004, dipetik dari Mellor, 2009) melakukan kajian perbandingan berita akhbar barat dan saluran satelit Arab tentang perang Iraq. Beliau mendapati bahawa liputan media cenderung melihat dari segi yang disebut Chouliaraki (2006a) sebagai estetik perang (*aestheticization of war*). Pengertiannya ialah segi visual dan bunyi tentang perang Iraq ditampilkan di latar hadapan dan dengan mengorbankan banyaknya penderitaan dan mangsa yang disebabkan oleh peperangan ini.

Seterusnya, Altheide (2004) melakukan analisis laporan berita dari akhbar, televisyen, dan majalah untuk mengkonstruksi “perang terhadap keganasan” (*war on terror*). Menurut Altheide (2004), media meliput perang ini dengan wacana “ketakutan dan kecemasan”. Wacana ini boleh ditakrifkan sebagai mod komunikasi dan jangkaan bahawa bahaya dan risiko adalah sesuatu yang utamanya hadir dalam kehidupan keseharian. Serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September 2001 telah ditakrifkan dalam pemberitaan dan budaya popular sebagai satu serangan terhadap budaya Amerika, jika tidak tamadun itu sendiri (Altheide, 2004). Temuan ini adalah sesuai dengan wacana yang wujud terlebih dahulu tentang imej simbolik Arab sebagai orang luar (*other*), yang memberi ancaman kepada keselamatan peribadi dan kebangsaan Amerika Syarikat (*us*).

Kes lain adalah konstruksi media massa di Amerika Syarikat mengenai demonstrasi gerakan rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan di Seattle menentang *World Trade Organization* (WTO) dan globalisasi (Goeddertz & Kraidy 2003). Media massa melabelkan aksi tersebut sebagai tindakan yang mengelirukan, perdagangan sebagai enjin demokrasi dan perbezaan nyata antara dunia pertama ke atas dunia ketiga/negara-negara membangun. George (2001) menyatakan bahawa *delegitimisation, marginalisation and demonisation* telah menjadi bingkai utama

dalam liputan demonstrasi menentang *World Trade Organization* (WTO), serta persidangan negara-negara yang tergabung dalam kumpulan G8 dan G20 (G8 dan G20 Summits). Gambaran tentang demonstrasi ini, antaranya: Pejabat WTO/G8/G20 itu suka perdamaian sementara penunjuk perasaan menyukai keganasan. Penunjuk perasaan juga dibingkai sebagai orang-orang yang bersalah atau suspek jenayah. Media juga mengibaratkan aktiviti demonstrasi sebagai tindakan kejahanatan, telatah kebudak-budakan dan penuh dengan pertunjukan yang menakutkan. Media juga telah memiliki wacana standard yang langsung dapat digunakan untuk berita tentang aktiviti gerakan sosial iaitu: meremehkan dan menyalahkan aktiviti dan kepercayaan gerakan sosial, bergantung pada matlamat pejabat rasmi, dan gerakan sosial kadang-kadang dibingkai sebagai kumpulan tidak berjaya yang mencuba mencabar sesuatu kuasa.

Fiss & Hirsch (2005) meneliti teks media tentang globalisasi dalam akhbar the *New York Times* (NYT), the *Wall Street Journal* (WSJ), and the *Washington Post* (WP). Selain itu, mereka juga menganalisis siaran akhbar dari agensi-agensi seperti, *PR Newswire* (pengedar siaran berita terbesar di US). *PR Newswire* ini memiliki teks yang lengkap dari perusahaan-perusahaan, agensi negara, syarikat buruh, universiti, kumpulan hak asasi manusia, dan organisasi lainnya. Dengan menggunakan *the Dow Jones Interactive database*, mereka mencari dari artikel akhbar dan siaran akhbar ini kata “globalisasi” dan kata lain yang berhubungkait dengannya seperti “*globalize*,” “*globalized*,” “*globalizing*,” and “*globality*.” Jumlah artikel dan siaran akhbar yang mereka temukan ada sebanyak 1805 dokumen dari keselamatan Januari 1984 sampai dengan Disember 1998.

Fiss & Hirsch (2005) mengelompokkan dimensi globalisasi kepada tiga bingkai, iaitu bingkai negatif, bingkai neutral dan bingkai positif. Bingkai negatif

menjelaskan bahawa globalisasi ialah penyebab utama krisis ekonomi, menjelaskan kehidupan buruh, menimbulkan pengangguran dan kemiskinan. Globalisasi, umpamanya, bermakna “menghilangkan kuasa dan tanggung jawab negara”, “menciptakan samaada kesejahteraan mahupun jurang ekonomi yang tinggi”, “menyebabkan kemiskinan awam dan merosak persekitaran”. Bingkai neutral menjelaskan globalisasi sebagai sesuatu yang semula jadi, dan meningkatkan aliran dana antara bangsa. Seterusnya, bingkai positif mencirikan adanya kepentingan dan keuntungan yang diperoleh akibat globalisasi. Bingkai positif ini, misalnya terdapat dalam frasa “globalisasi memberi kesan bagi terbukanya peluang-peluang baru bagi masyarakat.”

Seterusnya, isu-isu GM-Food dan GM-Technology (makanan dan teknologi makanan yang diubahsuai secara genetik) dalam pemberitaan media massa ialah merupakan topik-topik utama yang banyak dikaji melalui kaedah analisis wacana. Kajian-kajian analisis wacana ini, contohnya dilakukan oleh Eyck, Thompson & Priest, 2001 di media Perancis dan Amerika Syarikat (dipetik dari Murphy, P & Vilceanu, M. 2005); Kohring & Gorke (2000 dipetik dari Murphy, P & Vilceanu, M. 2005) untuk meneroka isu tersebut di akhbar Jerman; Shanahan, Scheufele & Lee E (2001) di Inggeris; Morris dan Adley di Irlandia (2001 seperti dipetik dari Samani, Amin, Maliki, dan Rezali, 2010); Hornig Priest & Ten Eyck, 2003 pada akhbar arus perdana Eropah; Sato (2004) di media Amerika Syarikat, Perancis dan Jepun; Kalaitzandonakes, Marks & Vickner, 2004 di Eropah; Murphy, P & Vilceanu, M. (2005) di akhbar Perancis dan Amerika Syarikat; Lockie. Stewart (2006) di akhbar Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat; Cook, Robbins & Pieri. (2006) di akhbar Inggeris; Marks, Kalaitzandonakes, Wilkins & Zakharova. 2007) di akhbar Eropah; Listerman (2010); Samani et al. (2010) di akhbar arus perdana Malaysia;

Augoustinos, Crabb & Shepherd, (2010) di United Kingdom; Flipse & Osseweijer (2012) di akbar Inggeris; Oh. & Kim (2012) di media Korea; Maeseele, Pieter. (2013) di akbar Swiss; Chen (2014) di China.

Selain daripada itu, banyak kajian memfokus pada isu keselamatan makanan dan risiko makanan dengan menggunakan Teori Beck (1992) “*World Risk Society*” sebagai rujukan. Beck menyatakan bahawa media massa merupakan wahana yang istimewa untuk pembentukan definisi sosial dan pembinaan sesuatu risiko dan akibatnya. Bagi Beck media massa merupakan forum bagi muncul dan menghilangnya wacana seperti dakwaan atau risiko sesuatu peristiwa. Beberapa kajian juga menunjukkan bahawa liputan pemberitaan telah diiktiraf sebagai sumber maklumat yang boleh dipercayai berkenaan dengan risiko kesihatan untuk orang awam (Krewski, Lemyre, Turner, Lee, Dallaire, Bouchard, Brand, & Mercier 2006, Major dan Atwood, 2004).

Seterusnya, kajian-kajian juga menumpukan perhatian kepada liputan televisyen dan akbar mengenai insiden keselamatan makanan termasuk krisis pencemaran bakteria *E.coli* di Kanada (Driedger, Jardine, Boyd, & Misty 2009), krisis dioksin di Taiwan (Hsu, 2008), penarikan balik bayam yang tercemar di Amerika Syarikat (Nucci, Cuite, Hallman, 2009), dan wabak *listeriosis* di Kanada (Boyd, Jardine & Driedger, 2009). Selain daripada itu, juga terdapat penyelidikan mengenai hubungan yang kompleks antara liputan akbar berkenaan risiko makanan dan tindak balas awam (Kitzinger dan Reilly, 1997; Petts, Horlick, Murdock, Hargreaves, McLachlan & Lofstedt 2001). Berita akbar juga memberi perhatian yang besar kepada kontroversi tentang GM Food, “penyakit lembu gila” (*mad cow*

disease) dan wabak bakteria di makanan (dipetik dari Germov, Williams, & Freij (2010).

Satu pendekatan kajian analisis wacana yang memberi inspirasi bagi penyelidikan ini ialah kajian wacana kritis yang memfokus akan fungsi ideologi berita media. Media massa bukan sahaja menghantar mesej akan krisis makanan, ianya boleh juga secara aktif mentafsir cerita, dengan memilih unsur-unsur cerita yang dilaporkan dan membuat keputusan bagaimana cerita boleh dirangka (Craft dan Wanta 2004; Driedger, 2008). Salah satu kesan sebab dan akibat teks yang telah menjadi perhatian utama bagi analisis wacana kritis adalah kesan ideologi - kesan teks dalam memupuk dan mengekalkan atau menukar sesuatu ideologi (Eagleton 1991, Larrain 1979, Thompson 1984, Van Dijk 1998 seperti dipetik dari Fairclough, 2004). Peneliti mendapati ada empat kajian mengenai makanan dan gerakan sosial yang sesuai dengan mod ini, iaitu kajian Gamson & Modigliani (1989), Germov, Williams, dan Freij (2010), Mann, (2012), Veil, Reno. Freihaut, dan Oldham (2014).

Gamson dan Modigliani (1989) menganalisis wacana media mengenai kuasa nuklear. Menurut mereka, media massa ketika ini telah mengendalikan wacana-wacana budaya yang ada di masyarakat melalui proses yang dipanggil sebagai “media pakej”. Media menyusun suatu peristiwa menjadi liputan berita dan juga menghantar mesej tersebut kepada orang ramai. Media, jika menggunakan konsep Michael Gurevitch dan Levy (1985) merupakan arena sosial ketika semua kumpulan kepentingan berkeinginan untuk mempamerkan realiti mereka yang benar sedangkan realiti kumpulan lain tidak benar, tidak sah, tidak semula jadi dan kerananya tidak boleh digunakan. Selari dengan kajian ini, Germov et.al (2010) menganalisis

keratan akhbar di Australia tentang Slow Food Movement di Australia, sejak 20 September sehingga 20 Desember 2007 dengan menggunakan analisis wacana kritikal daripada Van Dijk (2009). Analisis wacana kritis yang dilakukan merangkumi baik analisis deskriptif maupun tafsiran teks dalam konteks sosial politik.

Slow Food Movement adalah satu fenomena global dengan kira-kira 100.000 anggota di 132 buah negara (Slow Food, 2009 dipetik dari Germov et al, 2010). Gerakan ini ditubuhkan di Itali oleh aktivis global di bidang makanan Carlo Petrini. Kumpulan ini telah ditubuhkan di peringkat antarabangsa pada tahun 1989 (Petrini, 2001). Slow Food Movement merupakan kaunter hegemoni terhadap budaya 'McDonaldization' yang telah memunculkan budaya makanan segera serta menciptakan keseragaman citarasa makanan dan budaya (Ritzer, 2001 dipetik dari Germov et al, 2010). Melalui falsafah "eco-gastronomy" dan advokasi makanan yang baik, sehat dan adil, Slow Food Movement mempromosikan pertanian lestari dan perdagangan yang adil bagi pengguna di pasaran global (Petrini, 2007)

Selain daripada itu, kajian Mann (2010) mendapati bahawa berasaskan sejarah, *the campesino* (petani) biasanya dikonstruksikan sebagai kumpulan yang disingkirkan dalam bidang awam (*public sphere*). Namun, kajian Mann (2010) ini berjaya menunjukkan La Via Campesina, pertubuhan gerakan sosial dan petani terbesar di dunia, melancarkan taktik bingkai untuk mengesahkan gerakannya di bidang kedaulatan makanan.

Kajian yang dilakukan oleh Veil, et.al (2014) menunjukkan adanya kecenderungan aktivis menggunakan laman media sosial untuk menyebarkan mesej kempen menentang amalan organisasi yang menjadi sasaran mereka. Kahn & Kelner